

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Ceramah siapa pun boleh, kata Al-Attas

KOTA BHARU, Jumat — Perjuangan PAS terhadap perkembangan syiar Islam masih samar-samar dan terlalu umum untuk diberi penilaian oleh masyarakat Islam di negara ini setakat ini, demikian ditegaskan oleh Profesor Syed Hussein Al-Attas di sini hari ini.

Kalau berceramah mengenai Islam di khalayak ramai semua orang boleh, tetapi hendak mempraktikkannya adalah sukar, katanya.

"PAS tidak pernah menunjukkan sesuatu keahlian dalam sesuatu bidang sama ada mengenai pelajaran, sosio ekonomi atau program-program lain yang berbentuk keislaman yang dibentangkan kepada masyarakat Islam, katanya.

"Kita tidak nampak sesuatu program sama ada melalui risalah, penerangan atau penyusunan yang dibukukan mengenai rancangan-rancangan PAS yang berunsurkan Islam setakat ini, kecuali syarahan-syarahan di khalayak ramai," tegas beliau.

Pembaharuan

Profesor Syed Hussein berkata demikian dalam satu sidang akhbar di Pejabat Berjasa di sini yang dihadiri oleh Setiausaha Agung parti itu, Encik Ismail Haji Ali.

Berbeza dengan kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir yang mempunyai program-program tertentu berkaitan dengan akidah-akidah Islam seperti penubuhan pendidikan Islam, pembangunan sosial ekonomi, Universiti Islam dan Bank Islam.

"Pada pendapat saya, ada pembaharuan dalam BN apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir memimpin negara ini dan adalah satu perkara yang kena pada tempatnya Berjasa turut

sama berjuang dalam BN," ujarnya.

Profesor Syed Hussein bertanya: "Apakah program PAS yang hendak dibuat di negara ini termasuk pelajaran dan lain-lain aspek pembangunan yang telah dibukukan untuk pengetahuan masyarakat Islam di negara ini."

Beliau menegaskan, sifat-sifat kepimpinan yang ada pada Datuk Seri Dr. Mahathir mempunyai harapan besar untuk membaiki negara ke arah pencapaian perpaduan ummah dan kerajaan yang bersih.

Perjuangan

Beliau berkata, perjuangan PAS masih samar dan kurang keahliannya dalam sesuatu bidang menyebabkan ia sukar untuk menumbangkan kerajaan BN di bawah Datuk Seri Dr. Mahathir yang membuat perubahan besar kepada negara.

Profesor Syed Hussein berada di Kelantan tiga hari mulai 6 April dan pulang ke Kuala Lumpur hari ini setelah membantu jentera pilihanraya BN Kelantan.

Beliau menjelaskan, sebab-sebab beliau masuk Berjasa dan menyokong BN kerana jelas nampak BN sudah banyak mempunyai pemimpin berkaliber dan begitu kuat manakala Berjasa pula masih memerlukan sumbangan.

Katanya: "Saya amat menitikberatkan perjuangan serta akidah Islam sejak dari awal tahun 60-an melalui perjuangan saya yang banyak menulis buku-buku mengenai Islam."

Profesor Syed Hussein sekarang Ketua Jabatan Pengajian Melayu Universiti Kebangsaan Singapura, pernah menjadi Senator di Malaysia tahun 1971-1973 dan menjadi ahli Berjasa 28 Januari lalu.

No. Siri 2559

No. Penerimaan 304/85